

١٠- بَابُ الْعِلْمِ قَبْلَ الْقَوْلِ وَالْعَمَلِ

لِقَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى: ﴿فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ﴾ فَبَدَأَ بِالْعِلْمِ، وَأَنَّ الْعُلَمَاءَ هُمْ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ - وَرَثُوا الْعِلْمَ - مَنْ أَخَذَهُ
أَخَذَ بِحَظِّهِ وَافِرٍ، وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ بِهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ. وَقَالَ جَلَّ ذِكْرُهُ: ﴿إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ
الْعُلَمَاءُ﴾، وَقَالَ: ﴿وَمَا يَعْقِلُهَا إِلَّا الْعَالِمُونَ﴾، وَقَالَ ﴿وَقَالُوا لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ السَّعِيرِ﴾، وَقَالَ:
﴿هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ﴾. وَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ، وَإِنَّمَا
الْعِلْمُ بِالْعَلَمِ. وَقَالَ أَبُو ذَرٍّ لَوْ وَضَعْتُمُ الصَّمْصِمَةَ عَلَى هَذِهِ وَأَشَارَ إِلَى قَفَاهُ - ثُمَّ طَلَنْتُ أَنِّي أَتْفِذُ كَلِمَةً سَمِعْتُهَا مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبْلَ أَنْ تُحْيِزُوا عَلَيَّ لِأَتْفِذُهَا. وَقَوْلِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لِيُبَلِّغَ الشَّاهِدُ الْغَائِبَ وَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: ﴿كُونُوا
رَبَّانِينَ﴾ حُكَمَاءَ عُلَمَاءَ فَقَهَاءَ. وَيُقَالُ الرَّبَّانِيُّ الَّذِي يُرَبِّي النَّاسَ بِصِغَارِ الْعِلْمِ قَبْلَ كِبَارِهِ.

Bab (10):¹²⁸ Ilmu (Mesti Ada Dahulu) Sebelum Bercakap Dan Beramal.¹²⁹

¹²⁸ Para pensyarah Sahih Bukhari berbeza pendapat tentang maksud dan tujuan Imam Bukhari mengadakan tajuk bab ini. Perinciannya adalah seperti berikut:

(1) Kata al-Kirmāni, “Maksudnya ialah sesuatu perkara itu diketahui terlebih dahulu, kemudian baru diucap dan diamalkan. Dengan itu, kewujudan ilmu daripada segi masanya tentu sekali terdahulu daripada ucapan dan amalan. Daripada segi kedudukan dan darjat juga ilmu terdahulu dan melebihi kedua-duanya, kerana ilmu itu amalan hati dan hati adalah anggota badan yang paling mulia.”

(2) Menurut Ibnu al-Munaiyyir, “Tujuan Bukhari mengadakan tajuk bab ini ialah untuk menyatakan ilmu merupakan syarat bagi sahnya sesuatu ucapan dan amalan. Ucapan dan amalan tidak bernilai tanpa ilmu (dan adanya niat yang betul). Kerana itu, ilmu sewajarnya berada di hadapan dan sebelum kedua-duanya. Imam Bukhari juga mahu menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul dalam fikiran seseorang kerana ada juga orang berkata, “Ilmu tanpa amalan itu tiada gunanya”. Sangkaan bahawa ilmu tanpa amalan itu tidak berguna boleh membuatkan seseorang tidak memandang ilmu sebagai sesuatu yang penting dan perlu dituntut dengan bersungguh-sungguh.”

(3) As-Sindi berpendapat, “Tujuan diadakan bab ini ialah menyatakan terkedepannya ilmu daripada ucapan dan amalan daripada segi kedudukan dan darjatnya. Ia tidak

hendak menyatakan tentang terdahulunya daripada segi masa. Daripada ayat-ayat, hadits-hadits dan atsar-atsar yang dikemukakan beliau dapat diketahui hakikat ini.”

(4) Pada pandangan Maulana Zakariya, “Ilmu daripada segi masa kewujudannya memang terdahulu daripada ucapan dan amalan. Apa yang dikemukakan oleh Bukhari dalam bab ini sudah cukup untuk membuktikannya. Oleh kerana terdapat ancaman terhadap orang-orang yang tidak beramal dengan ilmunya, sesetengah orang mungkin terfikir kalau begitu adalah lebih baik tidak menuntut terus ilmu. Dengan mengadakan bab ini Imam Bukhari sebenarnya hendak menolak fahaman seperti itu. Ilmu itu sendiri tetap melebihi yang lain-lain dan ia juga terdahulu daripada segi masanya. Tidak beramal dengan ilmu itu satu perkara lain pula, ia tentunya merugikan dan mendedahkan seseorang kepada ancaman.”

(5) Secara umumnya para pensyarah Sahih Bukhari bersetuju tentang ilmu seharusnya dituntut sebelum bercakap dan beramal. Setelah ada ilmu, barulah bercakap, mengajar, berda`wah dan sebagainya. Setelah ada ilmu juga barulah sesuatu amalan dikerjakan. Biar apapun, ilmu semestinya ada dahulu. Itulah yang difahami mereka daripada tajuk bab ini.

(6) Selain tujuan yang tersebut di atas, Imam Bukhari juga membuat tajuk bab ini untuk menyatakan kelebihan ilmu sekali lagi. Pada bab pertama di bawah “Kitab al-`Ilmi” telah pun berlalu Bab: Kelebihan `Ilmu. Di sana Imam Bukhari hanya mengemukakan dua sahaja ayat al-Qur’an tanpa membawakan apa-apa hadits dan atsar. Kerana kelebihan ilmu itu tersangat banyak, Imam Bukhari berpada dengan mengemukakan dua ayat al-Qur’an sahaja untuk menyatakan kelebihanannya. Jika dibawakan satu atau dua hadits, maka dibimbangi akan ada orang yang menganggap bahawa kelebihan ilmu hanya tsabit berdasarkan hadits yang dibawakan itu sahaja. Kerana itulah tidak disebut langsung hadits di situ.

Begitulah juga sikap Imam Bukhari di sini dalam menyatakan kelebihan dan keistimewaan ilmu, beliau hanya mengemukakan beberapa lagi ayat al-Qur’an yang lain untuk membuktikannya, tetapi ditambah juga dengan hadits-hadits dan atsar-atsar shahabat yang turut menyatakan perkara yang sama.

Beliau tidak membawa apa-apa hadits musnad di bawah bab ini, bukan kerana tiada yang menepati syarat shahihnya, tetapi kerana ia sangat banyak dan memadailah dengan disebutkan beberapa sahaja daripadanya di dalam tajuk bab.

Imam Bukhari sebenarnya mahu memberitahu kepada umum sikap `ulama’ Ahlul hadits, bahawa mereka itu bukanlah orang yang hanya melihat kepada hadits sahaja, tetapi melihat juga kepada al-Qur’an. Kalau di dalam al-Qur’an pun sudah sangat banyak menceritakan tentang sesuatu, maka itu sudah pun mencukupi dan tidak perlu lagi dilihat kepada hadits-hadits yang tentunya lebih banyak.

¹²⁹ Terjemahan yang diberikan di dalam kurungan di atas adalah berdasarkan taqdir ما قبل لا بد منه.

Ada `ulama’ mengatakan ilmu itu hanyalah wasilah dan alat sahaja, sedangkan amal itulah sebenarnya yang dimaksudkan (مقصود بالذات) dan yang dikehendaki daripada ilmu. Kalau begitu, tentu sekali daripada segi kelebihan, amal-lah yang lebih berbanding ilmu.

Kerana Firman Allah S.W.T. Yang Bermaksud: "Maka Ketahuilah Bahawa Sesungguhnya Tiada Tuhan Selain Allah Dan Beristighfarlah Untuk Kesalahanmu." Allah S.W.T. Memulakan Dengan Ilmu.¹³⁰ Dan Sesungguhnya Para 'Ulama',

Bagi 'ulama' yang berpendapat begini, ilmu tanpa amal itu tidak ada gunanya dan tiada kelebihannya, lebihnya ilmu itu adalah kerana amal, ilmu semata-mata tidak menyampaikan kepada maksud kenapa ia dipelajari.

Imam Bukhari tidak bersetuju dengan pendapat ini. Beliau menegaskan bahawa ilmu itu sendiri daripada segi darjatnya melebihi amal. Ilmu itu juga daripada segi zaman (masa) dan zatnya terdahulu daripada amal dan ucapan, kerana tidak boleh dikerjakan sesuatu sembahyang tanpa mengetahui tentang cara-cara sembahyang yang semestinya dipelajari terlebih dahulu.

Sudah tentunya ilmu yang disertai amal itu lebih istimewa daripada ilmu semata-mata, namun orang yang berilmu tetap lebih daripada orang yang tidak berilmu, biar apapun jenis ilmu yang ada padanya. Ilmu yang disusuli dengan amal pula akan memantapkan lagi ilmu yang telah sedia ada pada seseorang, kelebihan mengamalkan ilmu tidak dinafikan oleh Imam Bukhari.

Sesungguhnya amal itu adalah hasil ilmu, dan buah tidak akan berputik tanpa adanya pokok terlebih dahulu. Amal ibadat sekalipun boleh menjadi punca seseorang berdosa sekiranya dilakukan tanpa ilmu, seperti amalan-amalan bid'ah.

Daripada perbincangan sebelum ini telah pun sama-sama kita ketahui bahawa ilmu itu juga adalah suatu amal, iaitu amal hati. Adapun amalan-amalan lain, ia merupakan amal anggota lahir. Kelebihan ilmu itu adalah kerana tempatnya di hati. Berbeda keadaannya dengan amal-amal yang lain, kerana semuanya berlaku pada anggota-anggota lahir. Peri pentingnya hati berbanding anggota-anggota badan yang lain dapat dilihat pada sabda Nabi s.a.w. berikut:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً؛ إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Bermaksud: Ketahuilah bahawa di dalam jasad (badan) itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia rosak maka rosaklah seluruh jasadnya, ketahuilah, ia adalah hati (jantung). (Hadits riwayat Bukhari dan Muslim).

Bukankah sesuatu amalan yang tidak disertakan niat itu tidak menjadi dan bukannya sesuatu yang tidak diketahui bagaimana cara membuat dan cara mengucapkannya itu juga tidak menjadi? Ini semua menunjukkan ilmu itu melebihi amal sehingga boleh menyebabkannya tidak sah jika tidak ada ilmu terlebih dahulu.

Penghayatan, rasa khusyu', tunduk dan tawadhu' seseorang itu tidak akan nyata pada zahir amalannya, kerana ia hanya kelihatan sama sahaja antara orang yang berilmu dan tidak berilmu. Hanya Allah s.w.t. sahaja yang mengetahui apa yang tersirat di dalam hati manusia. Apa yang tersebut itu semakin bertambah kuat hanya dengan bertambahnya ilmu seseorang.

¹³⁰ Ini adalah dalil pertama yang dikemukakan oleh Imam Bukhari untuk membuktikan kebenaran da'waannya العلم قبل القول والعمل (Ilmu mesti ada sebelum

Mereka Itulah Pewaris Para Nabi.¹³¹ Mereka (Para Nabi) Meninggalkan Ilmu,¹³² Sesiapa Yang Mengambilnya Bererti Dia Telah Mengambil Bahagian (Habuan) Yang

bercakap dan beramal). Pendalilan beliau akan kelihatan dengan lebih terang apabila anda membaca ayat berkenaan selengkapnya. Ia adalah seperti berikut:

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مُتَقَلَّبَكُمْ وَمَثْوَاكُمْ ﴿١٩﴾

Bermaksud: Maka ketahuilah bahawa sesungguhnya tiada tuhan (yang layak disembah) selain Allah dan beristighfarlah bagi salah silap yang engkau lakukan, dan bagi (dosa-dosa) orang-orang yang beriman, laki-laki dan perempuan; dan (ingatlah) Allah mengetahui tempat kamu berusaha (di dunia) dan tempat kamu tinggal (di akhirat). (Muhammad:19).

Kata Imam Bukhari, “Allah s.w.t. memulakan firmanNya ini dengan menyebut ilmu terlebih dahulu *فَاعْلَمْ* (Maka ketahuilah).” Ia menunjukkan kedudukan ilmu yang terdahulu berbanding amal. Kemudian baru ilmu itu disusuli dengan amal *وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ* (dan beristighfarlah bagi salah silap yang engkau lakukan). Ayat 19 Surah Muhammad ini mengutamakan ilmu yang wajib diketahui terlebih dahulu *اللَّهُ إِلَّا اللَّهُ*, iaitu ilmu tauhid, satu ilmu yang amal ibadat tidak sah tanpanya. Ilmu yang mesti diketahui walaupun seseorang itu bisu dan tidak mampu mengucapkannya. Selepas itu barulah diperintahkan beramal iaitu beristighfar.

Orang yang baru memeluk agama Islam, baru saja mengenal Allah s.w.t., dan tidak sempat beramal apa-apa pun, lalu meninggal dunia, ilmu tauhid yang baru diperolehnya itu tetap berfaedah untuknya sehingga ia boleh memasuki syurga Allah s.w.t. kerananya. Itulah yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya:

مَنْ كَانَ آخِرُ كَلَامِهِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ

Bermaksud: Orang yang ucapan terakhirnya ialah *لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ* pasti masuk syurga. (Hadits riwayat Ahmad, Abu Daud, at-Thabaraani, al-Ĥākim dan lain-lain).

Imam Sufyan bin `Uyainah juga berdalil dengan firman Allah di atas untuk membuktikan kelebihan ilmu berbanding yang lain-lain.

Susunan ayat: *فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ* juga menunjukkan bahawa apa-apa ilmu yang membawa kepada tauhid boleh dipelajari.

¹³¹ “Dan Sesungguhnya Para `Ulama’ Mereka Itulah Pewaris Para Nabi” sebenarnya adalah sebahagian daripada hadits yang diriwayatkan daripada Abu ad-Dardā’. Ia diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud, Tirmidzi dan Dārimi di dalam kitab-kitab mereka. Imam Bukhari juga ada meriwayatkannya di dalam kitab at-Tārīkh al-Kabīrnya secara maushūl. Pada sanadnya terdapat sedikit idhthirāb. Ĥamzah al-Kināni bagaimanapun mengatakan hadits itu hasan.

Ia dikemukakan oleh Bukhari sebagai dalil kedua bagi da`waannya. Sesetengah `ulama’ tidak menganggap apa yang dikemukakan oleh Bukhari ini sebagai riwayat ta`liqnya. Seperti telah disebutkan sebelum ini bahawa ia memang sebahagian daripada hadits yang diriwayatkan daripada Abu ad-Dardā’, walaupun di sini tidak dikemukakan oleh Bukhari sebagai riwayat ta`liq. Apa yang penting riwayat itu ada

asasnya. Firman Allah yang akan dikemukakan nanti boleh dijadikan sebagai penyokong yang membenarkan kandungannya. Allah berfirman:

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ أَصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا ... ﴿٣٢﴾

Bermaksud: Kemudian Kami wariskan Kitab (Al-Qur'an) itu kepada orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami;... (Fāthir:32).

Apa yang diwarisi para 'ulama' daripada para nabi tidak lain melainkan ilmu mereka. Apabila dikatakan para 'ulama' mewarisi peninggalan Nabi Muhammad s.a.w. maka itu bererti mereka mewarisi ilmunya, sama ada berupa al-Qur'an atau as-Sunnah. Tentu sekali warisan peninggalan Nabi s.a.w. tidak untuk ditonton dan diperagakan, sebaliknya ia untuk diamalkan. Tetapi sebelum diamalkan bukannya perlu diketahui dan dipelajari dahulu bagaimana cara-caranya? Dengan itu terbukti benarlah apa yang dikatakan oleh Imam Bukhari bahawa "Ilmu mesti ada dahulu sebelum bercakap dan beramal".

Yang menariknya ialah Baginda tidak bersabda: *العمالون / العمال ورثة الأنبياء* (Orang-orang yang beramal itu pewaris para nabi), bahkan Baginda bersabda, "orang-orang yang berilmu atau para 'ulama' itulah pewaris para nabi."

¹³² Perkataan *ورثوا* boleh diterima sebagai *fi'il mādhī* daripada *باب التفعيل*. Ertinya adalah sebagaimana diberikan di atas. *Dhamīr fā'ilnya* kembali kepada perkataan *الأنبياء*. Boleh juga diterima ia sebagai *fi'il mādhī* mujarrad daripada *باب سَمِعَ* atau *حَسِبَ*. Kalau ia dipakai sebagai *mādhī* mujarrad (*وَرِثُوا*), maka *dhamīr fā'ilnya* kembali kepada perkataan *العلماء*. Kalau begitu, maka ertinya ialah mereka (para 'ulama') itu mewarisi ilmu (para nabi).

Kebanyakan riwayat nampaknya lebih menguatkan ia dibaca sebagai *fi'il mādhī* daripada *باب التفعيل* iaitu *وَرِثُوا*. *Siyāqnya* menghendaki begitu. Sebagai contoh lihat saja riwayat ad-Daarimi di bawah ini:

إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ ، إِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُوَرِّثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا وَإِنَّمَا وَرِثُوا الْعِلْمَ ، فَمَنْ أَخَذَ بِهِ أَخَذَ بِحِطِّهِ أَوْ بِحِطِّ وَافِرٍ

Bermaksud: Sesungguhnya para 'ulama' itu pewaris para nabi. Sesungguhnya para nabi tidak meninggalkan (sebagai pesaka) dinar dan dirham. Mereka hanya meninggalkan ilmu. Sesiapa mengambilnya bererti ia telah mengambil habuannya atau habuan yang banyak.

Tentu sekali peninggalan nabi-nabi itu suatu yang istimewa. Walaupun ilmu yang ditinggalkan mereka menuntut amal, tetapi yang disebutkan adalah ilmu.

Mengetahui ilmu yang dibawa oleh Nabi s.a.w. sahaja tidaklah terus menjadikan seseorang pewaris Nabi, kerana jika begitu, maka orang-orang kafir seperti kebanyakan golongan orientalis juga akan dianggap sebagai pewaris Nabi. Maksud pewaris Nabi di sini ialah yang mewarisi ilmunya serta beramal dengannya.

Apa yang menariknya ialah Nabi s.a.w. tidak menyebut *العمالون* (yang beramal) sebagai pewaris para nabi, sebaliknya yang disebut ialah *العلماء* ('ulama').

Banyak,¹³³ Sesiapa Yang Mengikuti Sesuatu Jalan Demi Mencari Ilmu, Allah S.W.T. Mempermudahkan Jalan Untuknya Ke Syurga.¹³⁴ Allah S.W.T. Berfirman

¹³³ Jumlah (ayat) *مَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحَظٍّ وَافٍ* boleh diterima sebagai jumlah khabariyyah pada lafaz dan ma'nanya (جملة خبرية لفظاً ومعنى). Ertinya adalah seperti yang diberikan di atas. Boleh juga ia diterima sebagai jumlah (ayat) khabariyyah pada lafaznya sahaja sedangkan pada ma'nanya ia adalah insya' (جملة خبرية لفظاً وإنشائية معنى). Kalau begitu, maka terjemahannya ialah sesiapa yang (hendak) mengambilnya, dia hendaklah mengambilnya dengan banyak.

¹³⁴ Jika memilih jalan untuk mendapatkan ilmu itu sudah membawa ke syurga, bagaimana kalau seseorang itu hidup dengan ilmu? Bagaimana pula kalau seseorang itu berilmu (menjadi alim) sehingga dia menjadi tumpuan dan matlamat orang lain yang memilih jalan untuk mendapatkan ilmu yang ada padanya itu? Menyebar dan menyampaikan ilmu sahaja, itu pun sudah dikira suatu kelebihan, mengamalkan apa yang diajarkan itu adalah suatu kelebihan yang lain pula.

Demikianlah lafaz hadits daripada riwayat Abu ad-Dardā'. Lafaz riwayat Muslim, Abu Daud dan lain-lain daripada Abu Hurairah juga lebih kurang sama. Lihat haditsnya di bawah ini:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- مَنْ تَقَسَّ عَنْ مُؤْمِنٍ كُزْبَةً مِنْ كُزْبِ الدُّنْيَا تَقَسَّ اللَّهُ عَنْهُ كُزْبَةً مِنْ كُزْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسِّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَغَشِيَتْهُمْ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَذَكَّرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ وَمَنْ بَطَأَ بِهِ عَمَلُهُ لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ.

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesiapa melepaskan orang mu'min daripada apa-apa kesedihan dan kesukaran dunia yang dialaminya, Allah pasti akan melepaskannya daripada kesedihan dan kesukaran pada hari kiamat nanti. Sesiapa mempermudah orang yang susah, Allah pasti akan mempermudah urusannya di dunia dan di akhirat. Sesiapa menutup ke'aiban seseorang muslim, Allah menutup ke'aibannya di dunia dan di akhirat. Allah sentiasa menolong hambanya selagi hambanya menolong saudaranya. Sesiapa mengikuti sesuatu jalan demi menuntut ilmu, dengan sebabnya Allah mempermudah jalan untuknya ke syurga. Tidak berhimpun sesuatu kumpulan orang di mana-mana rumah Allah (masjid), di mana mereka membaca Kitab Allah (al-Qur'an) dan bertadarus di antara sesama mereka, melainkan turunlah ke atas mereka ketenangan, rahmat Allah pula mengelubungi mereka, mereka dikerumuni para malaikat dan Allah menyebut mereka di kalangan orang-orang yang hampir kepadaNya. Nasab dan keturunan seseorang tidak dapat memajukannya jika kerjanya (sendiri) memundurkannya.

Imam Bukhari tidak mengemukakan hadits ini di dalam Kitab Sahihnya sebagai satu riwayat musnad kerana terdapat sedikit perselisihan pendapat tentang sanadnya.

A'masy meriwayatkannya daripada Abi Shāleḥ daripada Abi Hurairah. Sesetengah 'ulama' hadits meragui tentang A'masy sendiri secara langsung telah meriwayatkannya daripada Abi Shāleḥ. Sebabnya ialah tersebut di dalam satu riwayat

(Maksudnya): *Sesungguhnya Yang Takut Kepada Allah Dari Kalangan Hamba-HambaNya Hanya 'Ulama'*.¹³⁵ Allah S.W.T. (Juga) Berfirman (Bermaksud):

Abu Daud dan Tirmidzi kata-kata A`masy sendiri: حُثِّثُ عَنْ أَبِي صَالِحٍ (diriwayatkan kepadaku daripada Abi Shāleḥ). Zahirnya menunjukkan ada seseorang di antara A`masy dan Abu Shāleḥ. Tidak diketahui siapa dia?

Imam Muslim telah menghilangkan kekeliruan itu dengan mengemukakan beberapa saluran riwayat bagi hadits tersebut. Antaranya saluran riwayat Abu Usāmah. Di dalamnya tersebut kata-kata A`masy dengan terang: حَدَّثَنَا أَبُو صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ (Abu Shāleḥ meriwayatkan kepada kami daripada Abi Hurairah).

Dengan itu dapatlah dikatakan bahawa A`masy pada mulanya meriwayatkan hadits itu dengan perantaraan seseorang, tetapi kemudiannya beliau menerimanya secara langsung daripada Abi Shāleḥ.

Orang yang berusaha pergi ke sesuatu tempat untuk menuntut ilmu akan mendapat ilmu, dengan ilmu ia akan dapat mengerjakan amal saleh. Dengan ilmu juga akan timbul di dalam hatinya rasa takut dan juga kasih kepada Allah. Semua hasil yang diperolehi daripada ilmu yang dipelajari itu akan membawanya ke syurga. Dengan begitulah Allah mempermudah kepadanya jalan ke syurga.

Bukankah hadits itu juga membuktikan kelebihan ilmu dan keterdahuluannya daripada segala-gala yang lain? Di dalamnya tidak tersebut pun “dengan syarat ilmu itu diamal!”

¹³⁵ Firman Allah di dalam ayat ke-28 Surah Fāthir ini dimulai dengan satu perkataan yang memberi erti ta`kīd dan ḥashr (إنما). Perkataan “Sesungguhnya” memenuhi maksud ta`kīd (penguat ayat). Perkataan “hanya” pula memenuhi erti حصر yang membataskan atau mengkhususkan cerita dengan sesuatu perkara (subjek) di samping menafikan yang lain daripada berkongsi dengan perkara berkenaan. Penggunaan perkataan seperti ini menunjukkan bahawa ketakutan kepada Allah s.w.t. yang sebenar-benarnya dikehendaki dan diredhaiNya hanya ada pada `ulama` sahaja. Tidak dinafikan bahawa ada juga hamba-hamba Allah yang takut kepadaNya sehingga tidak dapat menjalani kehidupan seharian secara normal. Tetapi bukan takut seperti itu yang dikehendaki Allah. Takut seorang alim kepada Allah s.w.t. tidak sama dengan takut seorang jahil kepadaNya, kerana orang yang benar-benar alim dapat memahami dengan betul apakah maksud takut kepada Allah itu.

Mungkin ada orang berkata, kalau begitu, kenapa ada juga `ulama` yang tidak takut kepada Allah? Jawabnya ialah keadaannya yang tidak takut kepada Allah itu menunjukkan ia sebenarnya bukan `ulama`. Kerana `ulama` yang sebenarnya di sisi Allah hanyalah yang takut kepadaNya, seperti tersebut di dalam ayat yang sedang dibincangkan sekarang. Orang alim yang mempunyai banyak kitab semata-mata tetapi tidak takut kepada Allah itu di dalam al-Qur`an ada perumpamaannya yang tersendiri. Allah berfirman tentangnya di dalam Surah al-Jumu`ah begini:

مَثَلُ الَّذِينَ حُمِّلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا بِئْسَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥٠﴾

"...Dan Tiada Yang Memahaminya Kecuali Orang-Orang Yang Berilmu."¹³⁶ Allah S.W.T. (Juga) Berfirman (Bermaksud): Mereka Berkata: Kalaupun Dahulu Kami Mendengar Dan Kami Berfikir Tentulah Kami Tidak Berada Dalam Golongan Orang-Orang Yang Masuk Neraka.¹³⁷ Allah S.W.T. (Juga) Berfirman (Bermaksud): Adakah Sama Orang Yang Mengetahui (Orang Yang Berilmu) Dan Orang Yang Tidak Mengetahui (Tidak Berilmu)?¹³⁸ Nabi S.A.W. (Pula)

Bermaksud: Perumpamaan orang-orang yang dipikulkan kepadanya Taurat, kemudian mereka tiada memikulnya adalah seperti keledai yang membawa kitab-kitab yang tebal. Amatlah buruknya perumpamaan kaum yang mendustakan ayat-ayat Allah itu. Dan Allah tiada memberi petunjuk kepada kaum yang zalim. (al-Jumu'ah:5).

Selain itu, firman Allah di dalam Surah Fāthir ini sebenarnya bukanlah menyatakan sifat takut kepada Allah itu suatu yang mesti ada pada setiap 'ulama', ia hanya menyatakan sifat takut yang sempurna itu kalau ada pada seorang manusia maka ia ada pada 'ulama'.

Biar apapun, ayat itu jelas membuktikan lebihnya 'ulama' itu adalah kerana ilmunya. Amal ibadat yang dilakukan tanpa keikhlasan memang sia-sia, tetapi keikhlasan itu baru ada apabila adanya خشية الله atau ketakutan kepada Allah, dan ketakutan kepada Allah pula baru ada setelah adanya ilmu. Dengan itu dapatlah disimpulkan bahawa memang ilmu itu melebihi dan mendahului segala yang lain.

¹³⁶ Firman Allah ini adalah sebahagian daripada kandungan ayat ke-43 Surah al-'Ankabūt, dan ia merupakan penutupnya. Ayat itu sepenuhnya adalah seperti berikut:

وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ وَمَا يَعْقِلُهَا إِلَّا الْعَالِمُونَ ﴿٤٣﴾

Bermaksud: Perumpamaan-perumpamaan itu Kami buat untuk manusia; dan tiada yang memahaminya kecuali orang-orang yang berilmu. (al-'Ankabūt:43).

Firman Allah ini juga menunjukkan kelebihan orang-orang yang berilmu.

¹³⁷ Firman Allah ini terkandung di dalam ayat ke-10 Surah al-Mulk. Maksudnya ialah ilmu pengetahuan itu diperolehi dengan mendengar, berfikir dan mengkaji. Ahli neraka pula tidak menggunakan semua saluran untuk mendapat ilmu itu semasa di dunia dahulu, akibatnya mereka mereka terjerumus ke dalam neraka. Ia menunjukkan keistimewaan ilmu. Manusia boleh terjerumus ke dalam neraka kerana tidak berilmu.

¹³⁸ Apa yang dikemukakan oleh Bukhari ini adalah sebahagian daripada ayat ke-9 Surah az-Zumar. Ayat istifham inkari (pertanyaan yang jawapannya adalah menafikan) diguna untuk menyatakan tidak samanya dua golongan tersebut. Dan ia menunjukkan keistimewaan orang yang berilmu. Orang yang ditanya begitu tentu akan menjawab, tidak sama.

Tidak ada satu pun daripada ayat-ayat yang dikemukakan oleh Bukhari di sini menyebutkan tentang amal, semuanya hanya menunjukkan kepentingan dan kelebihan ilmu semata-mata. Begitulah caranya Imam Bukhari menghilangkan kekeliruan

*Bersabda: Sesiapa Yang Allah Mahukan Kebaikan Yang Besar (Istimewa) ¹³⁹
Untuknya Nescaya Dia S.W.T. Memberi Fahaman Yang Mendalam ¹⁴⁰ KEPADANYA*

tentang lebihnya ilmu kerana amal. Bagi beliau ilmu itu sendiri adalah suatu kelebihan walaupun tidak disertai amal.

¹³⁹ Kebaikan yang besar atau istimewa difahami daripada bentuk nakirah pada perkataan خيرا yang digunakan untuk *ta`zhim* atau *taktsir*, bukan untuk makna umum semata-mata, kerana perkara-perkara lain yang diberikan oleh Allah s.w.t. juga bukan langsung tiada kebbaikannya, dengan berkata begini, Nabi s.a.w. seolah-olahnya menyatakan ilmu sahaja satu-satunya kebaikan istimewa yang Allah s.w.t. kurniakan kepada hamba-hambaNya.

Perkataan يفقهه pula tidak diterjemahkan dengan ‘memberi fahaman tentang agama’ sahaja tetapi ‘memberi fahaman yang mendalam’. Perkataan yang sama telah digunakan oleh Allah pada firmanNya di dalam Surah at-Taubah berikut:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

Bermaksud: Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah). (At-Taubah:122).

Kewajipan jihad dikecualikan daripada orang-orang yang mendalami ilmu agama kerana ia juga pada hakikatnya adalah satu bentuk jihad. Orang-orang yang mendalami agama dapat menjaga al-Qur’an daripada pengubahan dan penyelewengan. Merekalah yang mengetahui mana hadits yang telah mansukh dan mana yang tidak mansukh. Mereka juga dapat mengetahui mana hadits yang sahih dan mana yang palsu. Merekalah juga yang dapat menjaga kesucian agama daripada dinodai dan dinistai dengan berbagai-bagai bid’ah, khurafat dan kekarutan yang boleh menyebabkan berubahnya rupa masyarakat Islam yang sebenar.

¹⁴⁰ Kefahaman yang mendalam tidak akan diperolehi dengan pengajian yang diadakan jarang-jarang sekali. Tidak akan diperolehi juga dengan pengajian mengikut kehendak hati sahaja, ia mestilah mengikut sukatan yang telah disediakan dan mengambil masa yang agak lama. Imam Syafi’e pernah menyebutkan salah satu syarat yang mesti untuk seseorang pelajar mendapat ilmu yang mantap ialah lama masanya (طول زمان). Kitab yang digunakan sebagai teks pembelajaran pula tidak boleh semata-mata ringkasan dan isi yang tidak mendalam, guru yang mengajar juga mestilah dari kalangan orang yang cukup pandai dan faqih atau setidaknya alim dalam perkara yang hendak diajarnya. Ilmu yang mendalam tidak diperolehi hanya dari guru yang alim sahaja, malah dari guru yang bijaksana dan cerdik cendekia. Allah s.w.t. berfirman:

Tentang Agama.¹⁴¹ Sesungguhnya Ilmu Itu Hanya Diperolehi Dengan Belajar.¹⁴² Kata Abu Dzar: Sekiranya Kamu Meletakkan Pedang-Pedang Yang Tajam Di Atas Ini

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٢٦٩﴾

Bermaksud: Allah memberikan hikmat kebijaksanaan (ilmu yang mendalam dan berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya. (al-Baqarah: 269).

¹⁴¹ Sabda Nabi s.a.w. ini adalah sebahagian daripada hadits marfu` yang diriwayatkan oleh Saiyyiduna Mu`awiah. Imam Bukhari sendiri nanti akan meriwayatkannya secara musnad. Berdasarkan hadits ini, tidak ada sesiapa pun boleh mendakwa semata-mata kerana dia telah mendapat sesuatu n`mat maka itulah bukti bahawa Allah s.w.t. telah menghendaki kebaikan untuknya, kecuali orang yang berilmu (selain Iman dan Islam). Kekayaan, kegagahan, kekuasaan, pangkat atau harta benda yang diperolehi seseorang, semuanya adalah kelebihan dan kurniaan Allah, tetapi belum tentu lagi boleh dikatakan Allah memang menghendaki kebaikan yang istimewa untuknya, kecuali ilmu.

Sabda Nabi s.a.w. ini menunjukkan adanya ilmu yang mendalam tentang agama sahaja pun sudah merupakan tanda kebaikan, itu belum lagi mengambil kira apabila seseorang yang berilmu beramal dengan ilmunya, mengajarkannya, menyebarkanluaskannya, menyelamatkan orang lain dari kebinasaan di dunia dan di akhirat dan lain-lain.

Bukankah ilmu sahaja yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits ini? Itulah bukti terdahulunya ilmu daripada yang lain-lain. Dengan itu terbukti benarlah apa yang dida`wakan oleh Imam Bukhari di dalam tajuk bab yang diadakannya.

¹⁴² #Sesetengah `ulama` mengandaikan ini adalah kata-kata Imam Bukhari sendiri, tetapi ada juga `ulama` yang mengatakan ini sebenarnya adalah petikan Imam Bukhari daripada potongan hadits *يُرِدُّ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفْقَهُهُ فِي الدِّينِ* melalui riwayat at-Thabarāni dan Ibnu Abi `Aashim daripada Mu`awiah. Di dalamnya terdapat tambahan *إِنَّمَا الْعِلْمُ بِالتَّعَلُّمِ* sebelumnya. Lihat hadits berkenaan di bawah ini:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ تَعَلَّمُوا إِنَّمَا الْعِلْمُ بِالتَّعَلُّمِ وَإِنَّمَا الْفَقْهُ بِالتَّفَقُّهِ وَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفْقَهُهُ فِي الدِّينِ

Bermaksud: “Wahai manusia! Belajarlah kamu, sesungguhnya ilmu (yang sah dan terjamin) itu hanya diperolehi dengan belajar dan ilmu yang mendalam itu diperolehi dengan mendalami ilmu (belajar secara mendalam), dan sesiapa yang Allah mahukan kebaikan yang besar (istimewa) untuknya nescaya Dia memberi faham yang mendalam kepadanya tentang agama.”

Potongan sabda Rasulullah s.a.w. ini diriwayatkan juga daripada Ibnu Mas`ud dan Abu ad-Dardā'. Al-Bazaar meriwayatkan hadits Ibnu Mas`ud secara mauquf. Abu Nu`aim pula meriwayatkannya secara marfu`. Hadits Abu ad-Dardā' pula dikemukakan oleh Hafizh Ibnu Hajar di dalam Fathul Bāri.

Boleh jadi Imam Bukhari tidak mengemukakan hadits itu kerana tidak menepati syaratnya, boleh jadi juga kerana kelebihan ilmu itu sangat banyak, maka Imam Bukhari tidak mahu menghadkannya pada satu hadits musnad sahaja.

Potongan tambahan hadits ini juga menunjukkan bahawa ilmu yang diperolehi dengan mudah dan mu'tabar ialah dengan belajar, bukan dengan membaca sendiri atau dengan mendengar sahaja. Ilmu yang diperolehi dengan belajar akan mewujudkan perhubungan antara guru dan murid seperti adanya perhubungan di antara Nabi s.a.w. dengan para shahabatnya, dan perhubungan itu berterusan sehingga ke zaman sekarang, kerana itulah para 'ulama' mengambil berat tentang sanad dalam pengajian agama, kerana ia menghubungkan seseorang kepada Nabi s.a.w.

Al-Khatthābi di dalam Ma'ālim as-Sunan (j.1 m/s 247) menyebutkan bahawa ada satu hadits tanpa baris dibaca oleh seorang syekh yang hanya membaca kitab tetapi tidak belajar, ia dibacanya begini:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْحَلْقِ قَبْلَ الصَّلَاةِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. melarang daripada bercukur kepala sebelum sembahyang pada hari Juma'at, padahal ia sepatutnya dibaca: عَنِ الْحَلْقِ yang bermaksud: Rasulullah s.a.w. melarang daripada duduk dalam halqah atau bulatan (di dalam masjid) sebelum sembahyang pada hari Juma'at.”

Kerana duduk dalam bulatan seperti itu untuk belajar dan bermuzakarah boleh mengganggu orang yang datang untuk bersembahyang. Selama 40 tahun syekh itu tidak mencukur kepalanya kerana menganggap Nabi s.a.w. melarang daripada mencukur kepala sebelum bersembahyang Juma'at. Setelah aku menyebutkan kepadanya kedudukan sebenarnya, dia mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepadaku, kerana dia memang seorang yang saleh.

Bagaimanapun ilmu yang ringan dan mudah boleh saja dipelajari secara bersendirian, hanya ilmu yang berat dan susah memerlukan guru, pengalaman orang terdahulu dan penemuan cerdik pandai yang telah menghabiskan hayat mereka dalam mengkajinya. Setelah seseorang pelajar itu mempunyai cukup persediaan untuk memulakan kajiannya secara bersendirian barulah ia boleh mengkaji sesuatu yang baharu tanpa bantuan guru.

Pembelajaran tanpa guru dalam keadaan tidak mempunyai cukup persediaan mungkin akan menyebabkan berlaku kesilapan yang besar. Boleh jadi seseorang yang mahir dalam sesuatu bidang ilmu berasa yakin dengan ilmu yang ada padanya, sehingga dia berasa mampu mempelajari apa sahaja secara bersendirian. Awas! Berapa ramai orang yang membaca tentang sesuatu agama atau ajaran yang sesat secara bersendirian, kemudian ia terikut-ikut dan terpengaruh dengan apa yang dibacanya, lalu ia tersesat.

Sabda Nabi s.a.w. ini bukanlah bermaksud mengongkong dan melarang umat Islam daripada belajar tanpa guru secara mutlaq, ia hanyalah sebagai peringatan bahawa ada sesetengah ilmu terutamanya yang susah difahami perlu dipelajari daripada guru yang berpengalaman.

Belajar dengan guru yang berfahaman salah atau tidak cukup pengetahuan juga akan menyebabkan berlaku kesilapan yang teruk, oleh itu perintah belajar oleh Rasulullah

(Sambil Beliau Mengisyratkan Kepada Tengukunya), Kemudian Aku Rasa Aku Dapat Mengucapkan Satu Perkataan Yang Pernah Aku Dengar Daripada Nabi S.A.W. Sebelum Kamu Melaksanakan Kehendak Kamu Itu Ke Atasku, Nescaya Aku Akan Keluarkan (Aku Akan Ucapkan).¹⁴³ Dan Sabda Nabi S.A.W.:

s.a.w. itu tidak boleh difahami secara mutlaq untuk mana-mana pembelajaran asalkan ada guru.

Mungkin juga seseorang guru itu mahir dalam sesuatu bidang ilmu, tetapi ia masih baru dan mentah atau langsung tiada pengetahuan tentang ilmu yang lain. Maka perlu sekali diteliti dan dipilih guru yang akan mengajar kita.

¹⁴³ Atsar Abu Dzar ini dikemukakan oleh ad-Daarimi di dalam Sunannya, Abu Nu`aim di dalam *Hilyatu al-Auliya'*, dan Ishaq bin Rāhawaih di dalam Musnadnya. Abu Dzar memahami perintah Rasulullah s.a.w.: *يَلْغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً* (Sampaikan daripadaku walaupun hanya satu ayat) bahawa ilmu mesti disampaikan walaupun sehingga ke akhir hayat. Peristiwa Abu Dzar r.a. ini berlaku di zaman pemerintahan Sayyidina `Utsman r.a. di Syam ketika beliau mengeluarkan fatwa tentang ayat:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٦١﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (At-Taubah:34).

Beliau mentafsirkan ayat ini dengan mengatakan ancaman yang tersebut di dalamnya tidak mengecualikan orang-orang yang mengeluarkan zakat dan memberi sedekah sekalipun. Ia bahkan melarang anda memiliki harta yang banyak. Orang Islam hanya boleh memiliki harta sekadar memenuhi keperluan hariannya sahaja.

Fatwanya itu membimbangkan shahabat-shahabat yang berada di Syam, kerana fatwa itu akan menyebabkan umat Islam tidak mahu menyimpan harta, tidak mahu mencari harta yang banyak, tidak akan berniaga, berkebun dan bercucuk tanam, kerana semuanya dikira melebihi keperluan.

Fatwanya itu dibantah oleh Mu`aawiah yang menjadi gabenor Syam pada ketika itu, ia juga dibantah oleh sahabat-sahabat yang lain. Bagi mereka, ancaman yang tersebut di dalam ayat itu hanyalah untuk orang yang tidak mengeluarkan zakat, adapun orang yang mengeluarkan zakat, maka dibolehkan saja dia menyimpan dan memiliki harta sebanyak mana sekalipun.

Setelah berlaku sedikit kekecohan di kalangan para sahabat, Saiyyiduna Mu`āwiah mengirim surat kepada Saiyyidina `Utsman r.a. di mana beliau menceritakan tentang masalah dan fitnah yang telah ditimbulkan akibat fatwa Abu Dzar r.a. itu. Ia menampakkan seolah-olahnya Islam menghalang kemajuan dan melarang umatnya daripada meni`mati kemewahan dunia yang dihalalkan.

Punca fatwa Abu Dzar itu ialah sifat zuhudnya. Kebanyakan anggota masyarakat pula tidak hidup dalam kezuhudan sepertinya. Pembangunan, kemakmuran, kemajuan dan

Hendaklah Orang Yang Hadhir Menyampaikan Kepada Orang Yang Tidak Hadhir,¹⁴⁴ Dan Ibnu `Abbaas (Pula) Berkata: Hendaklah Kamu Menjadi Orang-Orang Rabbaniy, Siapa Itu Rabbaniy? Hukama', `Ulama',¹⁴⁵ Fuqaha',¹⁴⁶ Dan

pencapaian yang tinggi di kalangan umat juga tidak akan terlaksana dengan kehidupan yang zuhud melebihi wara'.

Setelah berlakunya peristiwa itu, Saiyyidina `Utsman r.a. menasihati Abu Dzar, bahkan melarangnya daripada berfatwa. Khalifah juga memerintahkannya supaya berada di Madinah saja. Tetapi di Madinah juga Abu Dzar r.a. tetap dengan pendiriannya sehingga beliau dilarang pula berfatwa. Setelah dinasihati Khalifah `Utsman, Abu Dzar akhirnya berpindah ke Rabadzah, iaitu satu tempat yang tidak begitu jauh dari Madinah.

Pada suatu ketika beliau datang ke Mekah untuk mengerjakan haji, ketika beliau berada di antara Jamrah Wustha dan Jamrah `Aqabah, beliau mengajar dan menyampaikan hadits, lalu ada orang yang datang bertanya tentang sesuatu masalah, tetapi tidak dijawabnya, maka beliau ditanya: "Adakah tuan tidak mahu menjawab kerana telah dilarang dari mengeluarkan fatwa?" Abu Dzar pun berkata, perkara yang betul dan mesti diberitahu akan diberitahu juga, sehingga kalau diletakkan pedang yang tajam di tengkukku sekali pun, aku tetap akan memberitahu tentangnya, jika aku rasa sempat mengucapkannya. Apabila aku tidak menjawab apa-apa, maka itu bererti tidak ada apa-apa masalah dan ia hanyalah masalah khilaf sahaja.

Abu Dzar bersikap begitu kerana beliau mematuhi perintah Khalifah semasa dan juga mematuhi perintah Nabi s.a.w. untuk menyampaikan hadits-haditsnya.

Peristiwa ini menunjukkan masing-masing mujtahid boleh memberitahu apa yang diyakininya benar, dalam keadaan tidak ada rasa takut dan bimbang terhadap sesiapa pun. Apa yang difahaminya itulah yang diberitahu kepada orang lain. Peristiwa ini juga menunjukkan bahawa ilmu yang diketahui terutamanya dari Rasulullah s.a.w. mestilah disampaikan sehingga Abu Dzar r.a. sanggup berkata sebegitu.

¹⁴⁴ Sabda Nabi s.a.w. ini terdapat di dalam sesetengah nuskah sahaja, ia tidak terdapat di dalam semua nuskah Sahih Bukhari. Perbincangan tentangnya telah pun berlalu pada hadits ke-68 yang baru lepas.

¹⁴⁵ Terdapat perbezaan nuskah di sini, berikut dikemukakan beberapa perbezaannya: (1) Ia ditulis: *خُلَمَاءُ فُقَهَاءَ* (2) Ditulis: *خُلَمَاءُ فُقَهَاءَ عُلَمَاءَ* (3) *خُلَمَاءُ عُلَمَاءُ فُقَهَاءَ*.

¹⁴⁶ Atsar Ibnu `Abbaas ini diriwayatkan oleh al-Khathīb di dalam al-Faqīh Wa al-Mutafaqqih, Ibnu Abi `Aashim di dalam Kitab al-`Ilm, Ibnu Jarīr at-Thabari di dalam tafsirnya, dan al-Baihaqi di dalam Syu`ab al-Iman.

Terjemahan bagi perkataan Rabbaniy sama ada: (1) 'Orang-orang Tuhan' yang diambil daripada perkataan رَبِّ dan ia juga boleh difahami sebagai 'orang-orang yang dikasihi Tuhan'. (2) 'Pendidik' atau 'Ahli ilmu yang pandai mendidik'. Erti ini diambil daripada perkataan تَرْبِيَّةٌ, maka firman Allah: كُونُوا رَبَّائِينَ itu boleh diterjemahkan dengan: 'hendaklah kamu menjadi pendidik-pendidik'. (3) 'Ahli ilmu yang ada hubungan dengan Tuhan' iaitu orang-orang yang mempunyai ilmu yang

Dikatakan Rabbaniy Itu Orang Yang Mengajar (Mendidik) Manusia Dengan Pengetahuan Yang Kecil-Kecil¹⁴⁷ Sebelum Pengetahuan Yang Besar-Besar.¹⁴⁸

membawanya mengenali Tuhan. (4) ‘Ahli ilmu yang Allah berikan ilmu khusus kepadanya’ iaitu orang yang rapat kepada Allah dan diberikan “ilmu ladunni” sebagai contohnya.

Ibnu `Abbaas mentafsirkannya sebagai orang-orang tuhan yang mempunyai ilmu dalam peringkat-peringkat yang berlainan, seperti para hukama’, ‘ulama’ dan fuqaha’. Peringkat yang paling rendah ialah ‘ulama’, kemudian fuqaha’ dan seterusnya hukama’.

Disebutkan hukama’ dahulu kerana ia adalah kemuncak ilmu, orang yang mempunyai ilmu yang paling tinggi dipanggil حَكِيم ḥakīm. Kemudian disebutkan ‘ulama’ pula walaupun ia adalah di peringkat paling rendah, kerana hikmah dan fiqh yang dimaksudkan itu ialah yang berkait dengan ilmu dan mesti berasal daripada ilmu, ini menunjukkan ilmu itulah punca hikmah dan fiqh, seolah-olahnya ilmulah yang mengikat kedua-dua perkara itu.

Orang yang sekadar boleh menceritakan hukum boleh dan tidak boleh bagi sesuatu perkara sudah boleh dipanggil alim, tetapi orang yang boleh menceritakan sebab dan dalil serta boleh mentarjihkan antara beberapa dalil bagi sesuatu hukum pula dipanggil fuqaha’. Dan orang yang boleh mengaitkan sesuatu peristiwa dengan yang terdahulu, sesuatu ayat dengan yang lain, yang boleh menceritakan manfaat, mudharat, hikmat, tujuan dan rahsia disebalik ketentuan hukum pula dipanggil hukama’, ilmu yang didapatinya diyakini dengan sepenuh hati. Ketiga-tiga golongan ini tidak ada kaitan dengan harta, kuasa dan keperkasaan, semuanya hanya berkait dengan ilmu.

¹⁴⁷ Seperti tafsiran Ibnu `Abbas tadi, ada pendidik yang berperingkat rendah, menengah dan ada yang di peringkat tinggi. Pendidik yang baik ialah yang dapat menilai tahap pelajarannya dan memberikan pengetahuan yang bersesuaian dengan tahapnya.

Pendidik Rabbaniy ialah orang yang cara mengajarnya bermula daripada perkara-perkara kecil sehingga kepada perkara-perkara besar, dan ia sempurna dalam asuhan dan pendidikannya. Itulah sebabnya Allah s.w.t. disifatkan dengan رب العالمين Tuhan sekalian alam, kerana segala yang berada di alam ini bermula daripada tiada dan tidak sempurna kepada bentuknya yang paling sempurna.

¹⁴⁸ Mungkin timbul persoalan apabila dibaca keseluruhan ayat Surah Aali `Imraan yang menyebut perkataan rabbaniy ini:

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنَّبُوءَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّانِيِّينَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٥٠﴾

Bermaksud: Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya Kitab ugama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergamak mengatakan kepada orang ramai: “Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah”. Tetapi (sepatutnya ia berkata):

١١ - باب مَا كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخَوِّهُمْ بِالْمَوْعِظَةِ وَالْعِلْمِ كَيْ لَا يَنْفَرُوا

Bab (11): Nabi S.A.W. Selalu Mencari Masa Dan Keadaan Yang Sesuai Untuk Memberi Nasihat Dan Ilmu Kepada Para Sahabat, Supaya Mereka Tidak Jemu.¹⁴⁹

“Hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbniyyīn (yang hanya menyembah Allah Taala - dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya. [Aali `Imraan:79]

Mengapakah disebutkan mengajar terlebih dahulu sebelum belajar? Jawapannya ialah ayat ini diturunkan kepada orang-orang alim Ahlil Kitab yang telah diberikan Kitab Suci atau asas untuk memperolehi ilmu supaya meningkatkan lagi ilmu yang ada pada mereka. Disebutkan mengajar dahulu kemudian belajar kerana Kitab Suci itu telah pun diajarkan kepada umum dan dipelajari pula kemudiannya untuk mendalami maksud-maksudnya.

Ayat ini menunjukkan orang-orang Rabbaniy yang sudah layak dan cukup persediaan tidak perlu belajar secara berguru lagi, tetapi ia hanya perlu meneruskan pembacaannya. Ayat ini juga menunjukkan bahawa orang yang mengajar perlu membaca lebih daripada apa yang diajarnya, dan dengan cara belajar sebelum mengajar itulah seseorang alim itu dapat menambahkan ilmunya.

¹⁴⁹ Pada bab sebelum ini Imam Bukhari telah menaikkan semangat para pembaca kitabnya dengan memberitahu betapa pentingnya ilmu sehingga ia diletakkan sebelum amal, dan ia kelihatan sebagai suatu yang mesti diusahakan setiap hari, sepanjang masa dan tanpa henti. Begitulah metode Imam Bukhari apabila beliau ingin memberitahu tentang kepentingan sesuatu perkara, ia diperjelaskan sehingga ke kemuncaknya, dan setelah sampai ke tahap itu, beliau sendiri akan meredakan pula semangat yang memuncak itu dan menenangkan pembacanya dengan cara menyebutkan kelonggaran, keharusan untuk tidak melakukannya tanpa henti, adanya tanggungjawab lain kadang-kadang yang lebih utama dan lain-lain.

Pada bab ini, Imam Bukhari memberitahu bahawa ilmu yang sangat istimewa itu tidak semestinya diusahakan setiap hari kerana ia akan menimbulkan rasa bosan, jemu, mengantuk, stres, resah, cemas dan macam-macam lagi gangguan emosi kepada orang yang mahu mendapatkannya, akibatnya mereka akan meninggalkan terus ilmu itu dan tidak mahu lagi belajar.

Tajuk bab ke-11 ini terbahagi kepada dua juzu' (bahagian). يَخَوِّلُهُم بِالْمَوْعِظَةِ وَالْعِلْمِ adalah bahagian pertamanya. Bahagian ini dibuktikan oleh Bukhari dgn hadits pertama di bawah bab ini, iaitu hadits ke-69. Di dalamnya tersebut يَخَوَّلُنَا بِالْمَوْعِظَةِ فِي الْأَيَّامِ. Bahagian keduanya ialah كَيْ لَا يَنْفَرُوا. Hadits ke-70 adalah buktinya.

Walaupun di dalam hadits di bawah bab ini tidak tersebut perkataan العلم, apa yang tersebut di dalamnya hanya الموعظة sahaja, namun Bukhari menambahkan perkataan العلم di dalam tajuk bab, memandangkan nasihat juga seharusnya berlandaskan ilmu. Atau di dalam الموعظة itu sudahpun terkandung ma`na ilmu.

٦٩ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يُوسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا سُفْيَانُ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ أَبِي وَائِلٍ عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَخَوَّلُنَا بِالْمَوْعِظَةِ فِي الْأَيَّامِ كَرَاهَةَ السَّامَةِ عَلَيْنَا

69 - Muhammad Bin Yusuf¹⁵⁰ meriwayatkan kepada kami, katanya, Sufyan (ats-Tsauri)¹⁵¹ meriwayatkan kepada kami daripada Al-A`masy (Sulaiman bin Mihrān) daripada Abi Wa'il (Syaqīq bin Salamah) daripada Ibni Mas`ud,¹⁵²

¹⁵⁰ Beliau ialah Muhammad bin Yusuf bin Wāqid al-Firyābi ad-Dhabbi. Abu `Abdillah adalah kuniannya. Beliau tinggal di Qaisāriyyah daripada kawasan pesisiran Syam. Muhammad bin Yusuf sempat menemui A`masy, beliau bahkan telah meriwayatkan hadits daripadanya.

Selain daripada A`masy beliau juga meriwayatkan hadits daripada kedua-dua orang Sufyan, dan tokoh-tokoh yang lain. Ahmad bin Ḥambal, Muhammad adz-Dzuhli, Muhammad bin Muslim bin Wārah adalah antara orang-orang yang meriwayatkan hadits daripadanya. Imam Bukhari meriwayatkan hadits-haditsnya pada banyak tempat di dalam Sahihnya ini.

Imam Ahmad berkata, “Dia seorang yang saleh”. Nasā’i dan Abu Haatim mengatakan dia tsiqah. Bukhari pula berkata, “Dia adalah antara orang yang terbaik di zamannya. Muhammad bin Yusuf meninggal dunia pada bulan Rabī’ul Awwal tahun 212 Hijrah. Al-Kirmāni berkata, “Muhammad bin Yusuf di sini ialah Abu Ahmad al-Bīkandi.” Itu adalah waham (kekeliruan) beliau. Kerana Imam Bukhari apabila menyebut Muhammad bin Yusuf begitu sahaja (secara mutlaq), maka maksudnya tidak lain hanyalah al-Firyābi. Walaupun Bukhari ada juga meriwayatkan Muhammad bin Yusuf al-Bīkandi itu.

¹⁵¹ Kalau engkau kata, Muhammad bin Yusuf al-Firyābi meriwayatkan juga hadits-hadits daripada Sufyan bin `Uyainah, maka apa yang mentarjīhkan Sufyan di sini ialah Sufyan ats-Tsauri? Jawabnya ialah walaupun Muhammad bin Yusuf al-Firyābi meriwayatkan daripada kedua-dua Sufyan, tetapi kalau dia menyebut Sufyan sahaja maka maksudnya tidak lain hanyalah ats-Tsauri.

¹⁵² Ibnu Mas`ud adalah seorang sahabat yang telah lama menjadi murid Rasulullah s.a.w. sejak dari Mekah hingga ke Madinah, sentiasa bersama Baginda dan sangat merendah diri kepadanya, sentiasa bersedia untuk berkhidmat kepadanya sehingga beliau dipanggil *صاحب الوسادة* dan *صاحب النعلين* suatu gelaran yang diberikan kerana beliau membawa bantal dan kasut / selipar Rasulullah s.a.w. ke mana-mana tempat Baginda pergi, sehingga ada sahabat yang menganggapnya keluarga Baginda. `Abdullah bin Mas`ud keluar memberitahu kebenaran Islam di hadapan kaum musyrikin, kerananya beliau dipukul sehingga pingsan. Setelah sedar dari pingsan, beliau keluar memberitahu sekali lagi dan dipukul pula sehingga pingsan lagi. Beliau dikenali sebagai seorang yang sangat alim di kalangan sahabat dan merupakan tempat rujuk mereka. Dari kalangan sahabat, Ibnu Mas`ud merupakan rujukan utama Mazhab Hanafi.

katanya: “Nabi s.a.w. selalu mencari masa dan keadaan yang sesuai untuk menasihati kami¹⁵³ pada hari-hari yang tertentu¹⁵⁴ kerana bimbang akan timbul rasa jemu pada kami.¹⁵⁵

Imam Bukhari memilih riwayat Ibnu Mas`ud kerana ingin memberitahu para pembaca bahawa adab, disiplin dan keberkatan ilmu seseorang murid yang berkhidmat kepada gurunya begitu ketara pada beliau, kerana beliau kemudiannya telah menjadi seorang yang sangat alim dan rujukan umat.

¹⁵³ Hadits yang dikemukakan Imam Bukhari ini tidak mengandungi perkataan ilmu, ia hanya menyebutkan nasihat dengan lafaz مَوْعِظَةٌ sahaja. Imam Bukhari menyebutkan ilmu di dalam tajuk babnya sebagai kesimpulan yang difahaminya dari hadits, kerana nasihat dan pengajaran itu juga merupakan sebahagian daripada ilmu. Nasihat itu juga mestilah berasaskan ilmu pengetahuan yang nyata dan bukan dari khayalan fikiran semata-mata.

Perkataan مَوْعِظَةٌ asalnya digunakan untuk nasihat yang boleh membuatkan seseorang yang dinasihati menangis kesedihan. Perkataan ini telah diguna juga oleh Allah di dalam al-Qur'an. Antaranya dalam firman Allah s.w.t. berikut:

أَدْخُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ

Bermaksud: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik. (An-Nahl:125).

Nasihat akan mengingatkan pelajar tentang matlamat dan tujuannya mempelajari sesuatu ilmu, menaikkan semangat, mengukuhkan ingatannya untuk setiap sesi pembelajarannya. Diingatkan juga faedahnya di dunia dan akhirat, tanggungjawabnya sebagai pelajar dan guru pada masa akan datang dan lain-lain lagi. Begitulah cara Rasulullah s.a.w. mendidik sahabat-sahabatnya, tidak hanya semata-mata ilmu sahaja.

¹⁵⁴ Sahabat-sahabat wanita ada yang meminta Rasulullah s.a.w. tentukan hari yang khusus untuk mereka sahaja, kerana sahabat lelaki selalu dapat bersamanya. Baginda menerima permintaan mereka dan tidak mengabaikan kaum wanita. Hari-hari tertentu dikhususkan untuk mereka belajar. Hadits berkenaan dgn keharusan mengkhususkan hari untuk wanita belajar akan dikemukakan oleh Imam Bukhari dalam bab yang akan datang, Insyallah.

¹⁵⁵ Antara perkara lain yang akan timbul selain jemu ialah sakit, kerja yang tidak terlaksana dan tanggungjawab yang terabai.

Hadits ini menunjukkan para sahabat yang amat menyukai ilmu wahyu dari Rasulullah s.a.w. ingin mempelajari ilmu itu setiap hari kalau boleh. Kerana setiap yang disampaikan oleh Baginda adalah agama dan kebenaran, Baginda pula telah berumur ketika dilantik menjadi Nabi, kerana itulah sahabat bersungguh-sungguh mahu mendapatkan sebanyak mungkin ilmu daripadanya.

Tetapi Baginda tetap menentukan hari-hari khusus untuk mereka kerana menyedari tabi`at semula jadi manusia yang memerlukan rehat. Ilmu itu akan dapat diperolehi sepenuhnya apabila ia diterima dalam keadaan segar, sedar dan bersemangat.

٧٠ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ حَدَّثَنِي أَبُو التَّيَّاحِ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا وَبَشِّرُوا وَلَا تُنْفِرُوا

70 - Muhammad Bin Basysyar¹⁵⁶ meriwayatkan kepada kami, katanya, Yahya Bin Sa'id (al-Qatthān) meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu'bah meriwayatkan kepada kami, katanya, Abu at-Tayyāh¹⁵⁷ meriwayatkan kepadaku daripada Anas Bin Malik daripada Nabi s.a.w., Baginda bersabda: “Permudahkanlah,¹⁵⁸ jangan kamu susah-susahkan,¹⁵⁹ gembirakanlah¹⁶⁰ (berilah

Semangat untuk mendapatkan ilmu boleh ditimbulkan dengan mengingati kelebihan-kelebihannya seperti yang kita telah pelajari sebelum ini.

¹⁵⁶ Beliau ialah Muhammad bin Basysyar bin `Utsman bin Daud bin Kaisan al-`Abdi al-Bashri an-Nassaaj. Kuniahnya Abu Bakar dan laqabnya ialah Bundār. Bun dalam bahasa Farsi bererti buku, buku tulis atau buku catatan. Dar pula bererti empunya atau yang mempunyai. Beliau digelar begitu kerana mempunyai buku-buku catatan hadits yang dicatatnya dengan amat teliti.

Imam az-Zahabi di dalam Tazkiratu al-Huffaaz menyebutkan, Bundar seorang hafiz besar dan imam. Beliau ialah seorang alim hadits di Bashrah, teguh dan kukuh (dalam riwayatnya). Muhammad bin Basysyar tidak mengembara dan merantau ke mana-mana untuk mencari ilmu semasa hayat ibunya, semata-mata untuk berkhidmat kepadanya. Beliau baru merantau untuk mencari ilmu setelah ibunya meninggal dunia. Muhammad bin Basysyar atau Bundār telah menerima hadits daripada Mu'tamir bin Sulaiman, Ghundar, Yahya bin Sa'id dan perawi-perawi yang seangkatan dengan mereka. Ramai sekali tokoh-tokoh hadits menerima hadits daripadanya.

Kata Abu Haatim, Muhammad bin Basysyar adalah shaduq. Al-`ijli pula berkata, beliau tsiqah, banyak meriwayatkan hadits. Di dalam Kitab at-Tauhid Ibnu Khuzaimah berkata: حدثنا إمام أهل زمانه في العلم والأخبار محمد بن بشار Bermaksud: “Imam orang-orang di zamannya dalam ilmu dan hadits, Muhammad bin Basysyar meriwayatkan kepada kami.” Kata az-Zahabi, pendapat orang-orang yang mendha'ifkan Muhammad bin Basysyar tidak perlu diambil kira. Para `ulama' kemudiannya berijma` tentang boleh berhujjah dengan hadits-hadits yang diriwayatkannya. Menurut Imam Bukhari dan lain-lain, Muhammad bin Basysyar meninggal dunia pada bulan Rejab tahun 252 Hijrah.

¹⁵⁷ Nama sebenarnya ialah Yazid bin Ĥumaid. Beliau mendengar hadits daripada sahabat-sahabat seperti Anas dan `Imraan bin Ĥushain. Dari kalangan Tabi'in pula ramai sekali tokoh yang menjadi punca riwayatnya. Imam Ahmad berkata, “Dia tsiqah dan teguh”. `Ali bin al-Madīni pula berkata, “Dia seorang yang terkenal dan tsiqah.” Abu at-Tayyāh merupakan perawi enam kitab utama hadits dan kitab-kitab hadits yang lain. Beliau meninggal dunia pada tahun 128 Hijrah.

¹⁵⁸ Termasuklah dalam urusan agama, janganlah kamu susah-susahkan urusan agama, kerana ia akan menyebabkan orang bukan Islam lari dan membenci ajaran Islam.

Janganlah kerana menganggap orang-orang musyrikīn itu najis, maka kita tidak mahu menghampiri mereka sehingga mereka tidak mendapat ajaran Islam lantaran kejumudan kita. Jadilah Hukama' apabila menyampaikan ilmu iaitu dengan cara memperjelaskan setiap hukum bersama-sama hikmah di sebaliknya, alasannya dan dalilnya, sehingga orang bukan Islam dapat menerimanya walaupun dari sudut aqal sahaja dahulu. Perincian mazhab yang susah-susah boleh dibincangkan kemudian setelah ia memeluk Islam, apa yang perlu diutamakan dan dipermudahkan ialah kepercayaan tauhidnya.

¹⁵⁹ Dua ayat: “Permudahkanlah” dan “Jangan kamu susah-susahkan” ini kelihatan sama dari segi maksudnya, Imam Nawawi berkata: Dikatakan begitu kerana maksudnya ialah supaya dilakukan secara berterusan dan tidak hanya sekali sahaja, kerana ayat perintah pada umumnya menunjukkan apa yang diperintahkan itu sekurang-kurangnya mestilah dilakukan sekali atau memang dikehendaki sekali sahaja. Tetapi apabila dibawakan ayat larangan yang sama ertinya dengan perintah tadi, maka ia menunjukkan perintah itu mestilah dilakukan secara berterusan.

Ilmu yang disampaikan dengan cara yang susah akan menimbulkan rasa jemu, malas dan tidak suka. Tidak mengapa menggunakan teknik yang mudah dan ringkas untuk menyampaikan sesuatu ilmu asalkan maksudnya sampai sepenuhnya dan sesuai dengan penerimanya. `Aaishah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. sentiasa memilih cara yang paling mudah jika diberikan pilihan:

وَمَا خَيْرَ بَيْنَ أَمْرَيْنِ إِلَّا اخْتَارَ أَيْسَرَهُمَا

Bermaksud: Tidak diberi pilihan kepada Beliau s.a.w. antara dua perkara melainkan dipilihnya yang lebih mudah.

Firman Allah s.w.t.:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ

Bermaksud: (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. (Al-Baqarah:185).

Ada juga ilmu yang kesukarannya lebih disukai, terutama kepada pelajar-pelajar yang sudah mempunyai kelayakan dan kemahiran, kerana pada kesukaran itu terdapat cabaran. Dalam keadaan itu tidak perlulah sesebuah kitab itu diringkaskan, malah ia perlu disampaikan sepenuhnya, kerana kajian yang mendalam dan penelitian yang saksama jua yang akan memberikan kepuasan kepada para penuntut di peringkat itu. Sebagai contohnya pengajian Shahih Bukhari.

Kesukaran dalam pembelajaran sesuatu ilmu boleh jadi berpunca daripada sukatan pelajaran yang tidak sesuai dengan tahap pelajarannya, boleh jadi juga kerana pengambilan pelajar yang tidak memenuhi syarat, dan boleh jadi juga kerana peperiksaan yang terlalu susah untuk lulus. Semua keadaan itu boleh menyusahkan pelajar menimba ilmu.

¹⁶⁰ Ilmu mestilah disampaikan dalam keadaan yang menggembirakan, ceria dan menimbulkan rasa suka. Antara caranya ialah dengan menjanjikan hadiah, membuat ujian, melantik pelajar memegang jawatan-jawatan tertentu, memberikan tugasan

galakan), janganlah kamu meliarkan¹⁶¹ (orang dengan sesuatu yang tidak disukainya).”¹⁶²

yang membuatkan pelajar tidak berasa kekosongan dan tidak berguna apa yang dipelajarinya, dan lain-lain cara lagi. Termasuk dalam menggembirakan juga ialah menaikkan semangat seperti mengingatkan betapa besar faedahnya sehingga dengan ilmulah seseorang itu dapat menyelamatkan orang lain daripada api neraka, dengan ilmu juga seseorang itu dipermudahkan jalan untuknya ke syurga dan lain-lain.

¹⁶¹ Sikap guru yang terlalu sibuk dengan kerja, rumah tangga, terlalu garang, bermuka masam, menyampaikan ilmu dengan cara yang menjemukan dan menimbulkan rasa mengantuk, bersangka buruk kepada pelajar adalah antara sikap yang menyebabkan murid menjadi liar dan culas sehingga meninggalkan ilmu yang pada asalnya dicari. Ada juga sikap murid yang menyebabkan guru menjadi liar dan terkilan sehingga menjadi tidak ikhlas dan berat hati untuk menyampaikan ilmu kepada muridnya. Semua itu perlu dijaga dan diberikan perhatian sebaiknya, supaya ilmu dapat diterima dan disampaikan dengan senang hati.

¹⁶² Hadits kedua yang dikemukakan oleh Imam Bukhari ini juga tidak mengandungi perkataan ilmu dan jemu, perkataan لَا يَنْفُرُوا dalam tajuk bab itu difahami Imam Bukhari daripada وَلَا تُنْفِرُوا yang terdapat dalam hadits ini.

Para `ulama' membahaskan tentang kenapakah Rasulullah s.a.w. menyebut perkataan “jangan kamu meliarkan” di sini? Padahal ia bukanlah antonim bagi “gembirakanlah”, kerana ayat sebelumnya “permudahkanlah” dan “jangan kamu susah-susahkan” itu adalah dua ayat yang memang berlawanan. Sepatutnya jika dibuat mengikut kaedah ilmu Balaghah صنعة التضاد, maka seharusnya dibawakan ayat بَشِّرُوا وَلَا تُنْذِرُوا “gembirakanlah dan janganlah kamu berikan ancaman”.

Syaikhul Hind Maulana Maḥmūdul Ḥasan berkata: “Tidak tepat jika guru hanya memberikan berita gembira, kata-kata yang baik dan pujian sahaja, tidak boleh ia memberikan apa-apa ancaman, teguran atau celaan terhadap pelajaranya. Kerana pelajar-pelajar memang tidak sama, ada yang rajin tanpa perlu diberikan apa-apa ancaman, dan ada yang tetap bersikap malas walaupun dirotan dan diancam. Hadits ini tidak melarang daripada memberi ancaman selagi ia tidak meliarkan seseorang pelajar daripada ilmu kerana itulah tujuannya.”

Kadang-kadang apabila terlebih menjinakkan pelajar dengan pujian dan pujukan, ia menjadi semakin liar dan lari daripada ilmu. Guru yang bijaksana mestilah dapat membezakan antara pelajar-pelajarnya dan dapat menyesuaikan caranya dengan mereka.

Maulana Anwar Syah al-Kasymiri pula berkata: Hadits ini menganjurkan kita supaya bersederhana, kerana orang yang tidak merasa ada apa-apa ancaman adalah orang yang rugi. Allah s.w.t. berfirman:

فَلَا يَأْمَنُ مَكْرَ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْخَاسِرُونَ

Bermaksud: Kerana sebenarnya tidak ada yang merasa aman dari rancangan buruk (balasan azab) yang diatur oleh Allah itu melainkan orang-orang yang rugi. (Al-A`raf: 99).

Tidak boleh juga tidak ada harapan langsung, firman Allah s.w.t.:

إِنَّهُ لَا يَأْتِيَنَّكَ مِنَ رَّوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْكَافِرُونَ

Bermaksud: “Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir.” (Yusuf:87).

Prinsip bersederhana perlu dipakai juga walaupun dalam pengajian, bersesuaian dengan tajuk bab Imam Bukhari yang mengisytarkan kepada kesederhanaan dalam pembelajaran dan tidak terlalu berat sehingga menjemu dan menyusahkan, tidak juga terlalu ringan sehingga tidak diendah dan dipedulikan.